



**KETERANGAN PAKAR PENGUBATAN ISLAM SEBAGAI PENDAPAT PAKAR
BAGI KES MELIBATKAN SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH**

**[EVIDENCE OF ISLAMIC MEDICAL EXPERTS AS EXPERT OPINIONS FOR
CASES INVOLVING MAGIC IN SYARIAH COURTS]**

MUNA HAMZAN^{1*}, WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN¹ & TENGKU FATIMAH
MULIANA TENGKU MUDA¹

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Correspondent Email: munahamzan_10@yahoo.com

Received: 15 January 2021

Accepted: 1 March 2021

Published: 15 March 2021

Abstrak: Keterangan pakar merupakan salah satu kaedah pembuktian yang diiktiraf dalam fiqh jinayah Islam. Peruntukan Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri turut memperuntukan secara khusus berkaitan pendapat pakar seperti pakar perubatan dan pakar forensik. Namun, pemakaian pendapat pakar pengubatan Islam di Mahkamah Syariah masih tidak digunapakai bagi kes jenayah sihir disebabkan oleh tiada peruntukan khusus yang diberikan bahkan pendekatan hakim yang kurang jelas untuk menggunapakai bentuk keterangan ini dalam memutuskan sesuatu kes jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Selain itu, tidak wujudnya satu tatacara yang jelas sebagai panduan menerima pakai keterangan pakar pengubatan Islam di Mahkamah Syariah dan seterusnya akan menyebabkan seseorang yang dianggap pakar itu sukar dinilai. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah untuk mencadangkan tatacara atau garis panduan keterangan pakar pengubatan Islam di mahkamah Syariah. Kajian ini juga akan mengupas pendapat pakar sebagai keterangan relevan, konsep keterangan pendapat pakar dengan memberikan definisi pendapat pakar pada perspektif Islam. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan secara umum berkaitan peruntukan pendapat pakar yang termaktub dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002. Selain itu, kajian ini bertujuan menganalisis kaedah pembuktian elemen sihir di mahkamah Syariah melalui keterangan pakar pengubatan Islam. Hasil penilaian ini mendapati pemakaian keterangan pakar pengubatan Islam wajar dilaksanakan bagi kes jenayah sihir di Mahkamah Syariah dengan menggunapakai peruntukan enakmen sedia ada dan hanya perlu diperincikan bentuk-bentuk dan ruang lingkup keterangan pakar serta dilakukan beberapa penambahbaikan. Justeru, pengiktirafan keterangan pakar pengubatan Islam di Mahkamah Syariah serta kewujudan prosedur khusus dalam pemakaiannya mampu membantu meningkatkan tahap beban pembuktian dalam menyelesaikan kes jenayah sihir di Mahkamah Syariah.

Kata kunci: Keterangan Pakar, Pakar Pengubatan Islam, Sihir, Mahkamah Syariah, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah

Abstract: Expert testimony is one of the methods of proof recognized in Islamic criminal jurisprudence. Provisions of the Act or the Evidence Enactment of the Syariah Courts of the states also provide specifically related to the opinions of experts such as medical experts and forensic experts. However, the application of the opinion of Islamic medical experts in the Syariah Court is still not applicable for cases of witchcraft crime due to no specific provisions given and even the judge's unclear approach to use this form of evidence in deciding a witchcraft crime case in the Syariah Court. In addition, the absence of a clear procedure as a guide to adopt the testimony of an Islamic medical expert in the Syariah

Court and in turn will make a person who is considered an expert difficult to assess. Therefore, the main objective of this study is to propose the procedure or guidelines of the testimony of Islamic medical experts in Syariah courts. This study will also parse expert opinion as relevant evidence, the concept of expert opinion evidence by providing a definition of expert opinion on Islamic perspective. Then, the researcher will elaborate in general terms on the provisions of expert opinion enshrined in the Evidence Enactment of the Kelantan Syariah Court 2002. In addition, this study aims to analyse the method of proving the elements of magic in Syariah courts through the testimony of Islamic medical experts. The results of this evaluation found that the use of Islamic medical expert testimony should be implemented for cases of witchcraft crimes in the Syariah Court by applying the provisions of the existing enactment and only need to detail the forms and scope of expert testimony and make some improvements. Thus, the recognition of the testimony of Islamic medical experts in the Syariah Court as well as the existence of specific procedures in its application can help increase the level of burden of proof in resolving cases of witchcraft crimes in the Syariah Court.

Keywords: Expert Evidence, Islamic Medicine Specialist, Magic, Syariah Court, Syariah Court Evidence Enactment.

Cite This Article:

Muna Hamzan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda. 2021. Keterangan Pakar Pengubatan Islam sebagai Pendapat Pakar bagi kes melibatkan Sihir di Mahkamah Syariah [Evidence Of Islamic Medical Experts As Expert Opinions For Cases Involving Magic In Syariah Courts]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1), 12-25.

PENGENALAN

Menurut Mohd Sabree Nasri (2015) dalam kajiannya mengupas elemen pembuktian jenayah sihir dari perspektif perundangan di Malaysia. Dapatan kajian Mohd Sabree Nasri (2015) mendapati bahawa terdapat banyak halangan untuk mewujudkan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Antara halangan-halangnya ialah proses pembuktian sihir kerana sihir adalah bukan berbentuk fizikal. Tetapi pembuktian jenayah sihir sudah pasti sukar kerana sihir adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat secara fizikal. Hal ini sudah tentu menyukarkan pembuktian jenayah sihir di hadapan mahkamah.

Dalam satu prosiding perbicaraan, pembuktian merupakan elemen yang sangat penting dalam undang-undang keterangan. Pembuktian merupakan satu perbuatan, usaha, dan sebagainya untuk membuktikan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013). Bagi mendapatkan kebenaran dan keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua perkara terutamanya fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian. Prosedur pembuktian adalah suatu aspek yang amat penting dalam sistem keadilan jenayah Syariah seperti kes jenayah yang melibatkan sihir. Di Malaysia, apabila sesuatu kesalahan jenayah Syariah dilaporkan, pegawai penguatkuasa agama di bawah Bahagian Siasatan Jabatan Agama Islam negeri akan memulakan siasatan untuk mengumpul bukti dan keterangan. Sekiranya siasatan tersebut berjaya mengumpul keterangan yang kukuh, maka fail siasatan tersebut akan diserahkan pula kepada pegawai pendakwa Syarie di Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Negeri. Ini bagi membolehkan suspek tersebut didakwa mengikut prosedur-prosedur yang telah digubal. Apabila selesai peringkat siasatan kes jenayah yang melibatkan sihir, seterusnya proses yang penting ialah proses pendakwaan di mahkamah Syariah. Akhirnya, kajian ini cuba menganalisis

kaedah pembuktian elemen sihir di mahkamah Syariah dalam aspek keterangan pakar pengubatan Islam melalui dua kaedah metodologi, iaitu analisis dokumen (kitab klasikal, kitab kontemporari, jurnal, artikel) dan temubual berstruktur bersama empat informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kehakiman Syariah, akademik serta pengubatan Islam. Hasil kajian ini mendapati sebarang kekangan seperti ketiadaan pakar pengubatan Islam sudah tentu dapat diselesaikan sekiranya terdapat undang-undang berkaitan dengan jenayah sihir yang menerimapakai keterangan pakar pengubatan Islam sebagai pendapat pakar bagi kes melibatkan sihir di mahkamah Syariah.

PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN

Keterangan pakar atau al-Ra'yu al-Khabir merupakan salah satu bentuk keterangan yang diiktiraf dalam Islam. Selain itu, dalam Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri turut memperuntukan secara khusus berkaitan keterangan pakar ini. Pengkaji akan mengupas konsep keterangan pendapat pakar dengan memberikan definisi pendapat pakar pada perspektif Islam. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan secara umum berkaitan peruntukan pendapat pakar yang termaktub dalam Undang-Undang Keterangan merangkumi Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002. Pengkaji akan menjelaskan secara menyeluruh berkaitan kedua-dua keterangan pendapat tersebut iaitu dimulakan dengan konsep pendapat saksi pakar yang merangkumi:

- i) Definisi pendapat pakar pada perspektif Islam
- ii) Pendapat pakar menurut kehakiman Syariah berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002

i) Definisi pendapat pakar pada perspektif Islam

Antara cara pembuktian yang diterima oleh Islam ialah pendapat pakar atau dikenali juga sebagai keterangan pakar. Dalam bahasa Arab, pendapat pakar disebut sebagai al-Ra'yu al-Khabir. Ibn Qayyim (1977) mentafsirkan al-Ra'yu al-Khabir sebagai "kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang" (Ibnu Qayyim, 1977). Menurut sesetengah ulama, keterangan pakar adalah mengikat Mahkamah (Mahmud Saedon, 1990).

Menurut Ahmad Redha (1957) pula, pendapat pakar sebagai seorang yang mempunyai maklumat dan pengetahuan dalam sesuatu bidang atau masalah yang disandarkan kepada hakikat atau kebenaran pengetahuan yang dimiliki, latihan, pengalaman dan keupayaan yang tinggi. Keterangan pakar bermaksud individu profesional yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang atau persoalan seperti seorang doktor diterima keterangannya sebagai wasilah pembuktian yang diakui oleh Mahkamah. Pandangan yang sama juga diberikan oleh Ahmad Fathi Bahansi (1968) bahawa pendapat pakar juga bermaksud pendapat yang diberi oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang.

Kadangkala sesuatu kes itu tidak akan dapat diselesaikan melainkan setelah Mahkamah meminta pendapat daripada kumpulan yang pakar dalam sesuatu bidang. Pendapat yang diberikan oleh pakar ini berdasarkan pengetahuan khusus yang perlu kepada satu tahap keilmuan yang tinggi. Dalam keadaan seperti ini Mahkamah akan menggunakan keterangan pendapat pakar ini untuk membantunya memutuskan sesuatu kes dalam perbicaraan di

Mahkamah. Islam menerima pendapat pakar sebagai salah satu kaedah pembuktian. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

Maksudnya : “Dan tidaklah Kami (Allah) mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”.

(Surah An-Nahl ayat 43)

Allah S.W.T juga berfirman dalam Al-Quran:

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutus Rasul-Rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami (Allah) wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada Ahlu Zikri jika kamu tidak mengetahui.”

(Surah Al-Anbiya’ ayat 7)

Kedua-dua ayat Al-Quran tersebut menerangkan ahli zikr sebagai orang-orang beriman yang mempunyai ilmu pengetahuan agama Islam. Ahli tafsir seperti Ibn Abbas memperluaskan pengertian ahli zikr iaitu termasuklah ahli-ahli al-Quran, ahli Ilm (orang berilmu) atau sebarang makna dan pengertian yang boleh disandarkan dengan makna tersebut. Oleh demikian, pendapat pakar dapat dikategorikan sebagai ahli zikr dan ahli ilm. Menurut Ahmad Fathi Bahansi (1962) pula, ahli Ilm termasuk golongan professional yang berkemahiran dan berkepakaran dalam sesuatu bidang. Oleh demikian, seorang Hakim memerlukan keterangan pendapat pakar untuk memutuskan kes dalam mahkamah khususnya kes jenayah sihir.

ii) Pendapat pakar menurut kehakiman Syariah berdasarkan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002

Berdasarkan Seksyen 33 (1), (2) dan (3) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002 memperuntukkan:

- (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undangundang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah
- (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar
- (3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah

memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan

Ini disebabkan struktur undang-undang yang dipakai di Mahkamah Syariah diadaptasi daripada Mahkamah Sivil, justeru terdapat persamaan dari struktur teknikal ayatnya dan maksud yang ingin dinyatakan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang disebabkan penambahan subseksyen tiga (3) dalam Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 yang tidak terdapat dalam Akta Keterangan 1950, iaitu menyatakan bilangan saksi pakar yang diperlukan untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan.

KEPENTINGAN PENDAPAT PAKAR DALAM PEMBUKTIAN

Pembuktian merupakan peranan penting dalam pensabitan sesuatu hukuman. Selain itu, pembuktian adalah sebagai panduan hakim untuk menjatuhkan sesuatu hukuman. Keterangan yang benar dan tepat amat diperlukan agar konsep keadilan dapat ditegakkan bahkan sebarang pertikaian dapat diputuskan dengan bijaksana tanpa menzalimi mana-mana pihak yang terlibat. Lazimnya, apabila pihak mahkamah tidak dapat memutuskan sesuatu isu yang berada di luar pengetahuan dan kebijaksanaan mahkamah, mahkamah akan meminta pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa (kes jenayah) supaya mengemukakan keterangan pakar yang boleh menyokong kes mereka atau mahkamah sendiri atas inisiatif sendiri memanggil saksi daripada kalangan pakar atau pihak yang berkeahlian dalam bidang yang tidak dapat diputuskan tersebut. Oleh itu, dalam keadaan ini keterangan pakar akan memainkan peranan yang penting untuk membantu mahkamah memutuskan sesuatu pertikaian yang sedang dibicarakan di mahkamah (Wan Abdul Fattah, 2015). Pembuktian dalam prosiding kehakiman mestilah selaras dengan hukum Syarak sebagaimana yang diterangkan oleh al-Quran, al-Hadith, Ijmak ulamak, Qias serta kaedah fiqh. Justeru itu, pendapat pakar diterima sebagai salah satu elemen pembuktian dalam prosiding perbicaraan dan berfungsi sebagai:

- i. **Pendapat Pakar Penguat hujjah bagi pendakwaan**
Menurut Abdul Rahman Ibrahim Abdul Aziz Al-Hidhimi (1989), keterangan pendapat pakar merupakan keterangan sokongan bagi menguatkan fakta kes. Di dalam kes-kes tertentu, pendapat pakar berperanan sebagai penguat atau penyokong terhadap keterangan yang sedia ada.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut atau pihak mahkamah untuk mengemukakan keterangan pendapat pakar pada perkara yang memerlukan keterangan pakar sebagai hujah sokongannya dan sebagai bukti di atas dakwaannya (Muhammad Ibn Ismail al-San'ani, 1960).

Hal ini disokong oleh Anita Arifin (2000) bahawa pihak Mahkamah berhak sekiranya difikirkan perlu atau atas permintaan pihak yang bertikai untuk disoal balas tentang laporan yang dikemukakan. Jika pihak mahkamah mendapati laporan yang dikemukakan tidak lengkap atau keterangan tidak mencukupi dan terdapat kesamaran fakta, maka mahkamah berhak untuk mengarahkan pakar tersebut untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan dan keterangan fakta laporan berkenaan atau mengarahkan pakar lain untuk bertanggungjawab menyediakan laporan lain berkaitan dengan isu tersebut.

- ii. Pendapat pakar sebagai panduan hakim ketika menyelesaikan kes
Keterangan pendapat pakar juga dapat membantu hakim ketika menyelesaikan sesuatu kes dengan cara memberi keterangan pendapat mereka. Hakim akan meminta keterangan pendapat pakar bagi menjelaskan atau menyokong sesuatu kes. Berpandukan keterangan pendapat pakar, maka Hakim dapat memutuskan sesuatu kes dengan adil dan saksama. Menurut As-Syarbini (1978), sesetengah ulama di kalangan ulama mazhab Shafi'e berpendapat sekiranya seorang ahli sihir berkata: "Aku telah menyihirnya dengan cara begini" dan ia disaksikan oleh dua orang saksi, yang dahulunya adalah ahli sihir tetapi telah bertaubat darinya, dan kedua-duanya mengesahkan bahawa cara yang digunakan itu boleh menyebabkan kematian ke atas mangsanya, maka penyaksian oleh dua orang bekas ahli sihir tersebut boleh digunakan untuk membuktikan dakwaan".

Secara umumnya, apabila pihak mahkamah tidak dapat memutuskan sesuatu kes, ataupun kurangnya pembuktian untuk mensabitkannya, maka mahkamah boleh memanggil pihak yang lebih arif dan pakar dalam bidang berkenaan untuk mengemukakan keterangan yang berkaitan kes tersebut. Hal ini lebih penting lagi apabila sesuatu kes yang dikendalikan oleh seseorang hakim itu berada di luar pengetahuan dan pengalamannya. Sebagai contohnya, kes-kes yang melibatkan jenayah sihir memerlukan mahkamah merujuk kepada mereka yang pakar dalam bidang perubatan Islam serta pakar forensik demi untuk mendapatkan keterangan yang tepat dan menyeluruh (Mohd Sabree Nasri, 2015). Pendapat pakar dianggap sebagai golongan profesional dapat diterimapakai kerana fakta amat relevan bahkan mereka terlibat dalam bidang teknikal dan berkemahiran serta mampu menyelesaikan kes-kes yang rumit. Contohnya dalam kes sihir, hanya pakar pengubatan Islam dan pakar DNA yang mampu memberi keterangan berkaitan kes tersebut seterusnya membantu pihak mahkamah secara langsung untuk menyelesaikan kes jenayah sihir di mahkamah yang berprofil tinggi dan sangat kompleks.

- iii. Keterangan Pendapat Pakar Mempercepatkan Proses Perbicaraan dan Keputusan Kes

Menurut Ruzman Md. Noor dan Mohd Istajib (2011) antara punca kelewatan sesuatu kes itu diselesaikan adalah disebabkan oleh keterangan dan pembuktian yang tidak mencukupi. Pengiktirafan terhadap pemakaian keterangan pakar terutamanya di Mahkamah Syariah serta pendekatan hakim untuk menggunakan peruntukan berkaitan keterangan pakar secara optimum dilihat dapat membantu mempercepatkan sesuatu kes itu diputuskan. Kategori dari aspek bentuk dan jenis keterangan pakar juga harus ditentukan dan diluaskan penggunaannya untuk memartabatkan dan memperkasakan mahkamah Syariah serta mempercepatkan sesuatu keputusan secara adil kepada semua pihak.

Keterangan Pakar Pengubatan Islam Menurut Peruntukan Mahkamah Syariah

Pakar pengubatan Islam sememangnya perlu dijadikan sebagai saksi pakar di Mahkamah Syariah berdasarkan kepada seksyen 33 (1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002. Terdapat jenis pendapat pakar yang berkaitan *qarinah* seperti yang

dinyatakan dalam jadual 1. Jenis pendapat pakar berkaitan *qarinah* ini membuka ruang dan peluang kepada pakar pengubatan Islam untuk hadir sebagai saksi pakar bagi memberikan keterangan sebagai seorang pakar terhadap bukti-bukti yang berkaitan.

Jadual 1: Peruntukan Pemakaian Keterangan Pakar di Mahkamah Syariah

| Peruntukan | Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 |
|----------------------------------|---|
| Seksyen | (33) pendapat pakar |
| Tahap Penerimaan | <i>Qarinah</i> |
| Kategori Keterangan Pakar | Undang-undang negara asing Sains atau seni Identiti / ketulinan Tulisan tangan / cap jari Penentuan nasab |

Berdasarkan peruntukan ini, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 menunjukkan tahap penerimaan keterangan pakar dengan menggunakan istilah “qarinah”. Manakala yang dimaksudkan kategori keterangan pakar dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 iaitu pendapat pakar berkaitan undang-undang negara asing, sains atau seni, identiti atau ketulinan, tulisan tangan atau cap jari dan penentuan nasab”. Seterusnya subseksyen tiga (3) dalam seksyen 33, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 menyatakan secara langsung berkaitan bilangan saksi pakar yang diperlukan untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan. Berdasarkan Seksyen 33 (1), (2) dan (3) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002 memperuntukkan:

- (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah
- (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar
- (3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan

Walaupun peruntukan Seksyen 33 (1) ini tidak memberikan perincian terhadap syarat, kriteria pendapat pakar namun peruntukkan ini boleh digunakan oleh pihak mahkamah Syariah sebagai asas amalan perundangan bagi menentukan kelayakan yang perlu dimiliki oleh pakar pengobatan Islam bagi kes sihir (Muhamad Khasmizan Abdullah, komunikasi peribadi, 21 Jun 2020). Hal demikian bertujuan membolehkan pendapat pakar pengobatan Islam dibenarkan memberikan keterangan sebagai seorang pakar Oleh itu, Mahkamah Syariah perlu memperincikan syarat, kriteria, kelayakan mahupun bentuk keterangan dan ruang lingkup keterangan yang diiktiraf khususnya penerimaan keterangan pakar pengobatan Islam bagi menangani kes jenayah sihir dalam perbicaraan di mahkamah.

Garis Panduan Pemakaian Keterangan Pakar Pengobatan Islam Di Mahkamah Syariah

Pendapat pakar adalah merujuk kepada pihak yang lebih pakar dalam sesuatu bidang adalah perkara yang disyariatkan dalam Islam. Hal ini dengan jelas dinyatakan dalam surah al-Anbiya':

Maksudnya: "Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui".

(Surah al-Anbiya' ayat 7)

Ayat ini merupakan perintah Allah S.W.T supaya merujuk kepada pakar jika diperlukan dalam sesuatu bidang (al-Bayḍāwī, 1968). Menurut al-Zuhayli (1982) menyatakan bahawa ayat ini menyeru masyarakat umum yang tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran atau kepakaran dalam bidang tertentu untuk merujuk kepada mereka yang lebih berpengetahuan, mahir dan pakar dalam bidang tersebut. Kumpulan yang mempunyai keahlian dan pengalaman secara mendalam mengenai selok belok ilmu pengobatan Islam, kaedah rawatan Islam, penyelidikan ilmu berkaitannya adalah boleh dikategorikan sebagai pakar pengobatan Islam apabila mereka diiktiraf oleh pihak berautoriti dalam institusi agama Islam seperti Jabatan Agama Islam negeri atau Jabatan Mufti negeri.

Tatacara atau garis panduan pendapat pakar pengubatan Islam yang jelas amat diperlukan untuk diterimapakai sebagai keterangan pakar di Mahkamah Syariah. Hal demikian, sebelum seseorang pakar pengubatan Islam itu dipanggil memberi keterangan di mahkamah Syariah maka syarat-syarat kelayakannya perlu diambil kira. Antara syarat-syarat untuk diiktiraf sebagai pakar adalah seperti kelayakan pengetahuan yang tinggi, akademik, professional, pengalaman, penyelidikan dan seumpamanya yang boleh menunjukkan kepakarannya.

Kelayakan pendapat pakar adalah ditentukan oleh pihak mahkamah berdasarkan kes yang ada di hadapan mahkamah. Secara umumnya, terdapat tujuh syarat kelayakan umum pendapat pakar atau saksi pakar yang telah diperuntukkan (Azzam, 2009; al-Zuhayli, 2011; Ayman Muhamad Ali, 2008). Syarat-syarat ini juga boleh diaplikasikan sebagai kriteria dan kelayakan bagi seseorang untuk diiktiraf sebagai pakar pengubatan Islam:

- 1) Mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang tinggi terhadap sesuatu bidang, perkembangan terkini berkaitan bidang tersebut serta mahir dan kompeten dalam instrumentasi (kepakaran tidak terhad kepada alat tertentu dalam analisa).
 - i) Ahli atau pakar pengubatan Islam hanya memberikan keterangan berdasarkan pengalaman, penyelidikan, pengamatan, dan pengujian yang telah dilaksanakannya selama bertahun-tahun dalam bidang tersebut seperti pengetahuan mendalam mengenai bentuk-bentuk gangguan jin, kaedah amalan sihir yang biasa digunakan oleh pengamal sihir, simptom-simptom sihir, kesan-kesan sihir, dan kaedah-kaedah rawatan sihir.
 - ii) Pakar tersebut juga berkemahiran dalam menggunakan pelbagai alat dan pengukuran yang dapat membantu menyempurnakan tugasnya (al-Zuhayli, 2011). Contohnya mempunyai kemahiran dalam merawat mangsa sihir menggunakan kaedah-kaedah Ruqyah Syar'iyah berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi S.A.W serta menggunakan bahan-bahan rawatan yang tidak bercanggah dengan Syariat seperti suci, bersih, serta halal.
 - iii) Pakar juga hendaklah merupakan anggota atau ahli berdaftar dalam institusi yang berautoriti. Sebagai contoh, ahli jawatankuasa atau organisasi persatuan pengubatan Islam perlu berdaftar dengan Jabatan Agama Islam negeri, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2) Mempunyai pengetahuan asas yang sangat tinggi mengenai bidang pengubatan Islam. Contohnya amalan-amalan pengubatan Islam seperti ayat-ayat Ruqyah Syar'iyah, ayat-ayat Manzil, Ruqyah ayat 33, surah-surah al-Munjiyyat dan seumpamanya berdasarkan ayat-ayat al-Quran, doa-doa daripada hadis Nabi S.A.W serta amalan doa yang disusun oleh para ulama seperti Hizib Imam Nawawi, Ratib al-Haddad dan sebagainya.
- 3) Berkelayakan dan berkecekapan.
 - i) Berkelayakan dari segi akademik. Contohnya kelulusan minima peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Diploma Pengajian Islam, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan ke atas. Hal demikian kerana mereka pernah mengikuti dan mempelajari asas ilmu-ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah secara konsisten seperti ilmu

- akidah, ilmu feqah, ilmu akhlak, ilmu tafsir, ilmu hadis dan sebagainya secara bertalaqqi dan mendapat kefahaman yang baik terhadap ilmu agama tersebut.
- ii) Perihal kecekapan dalam Islam termasuk kemampuan untuk bersikap sopan, tenang, digalakkan, dan bebas dari kesusahan baik dari dirinya sendiri atau lain- lain (Ahmad Syukran, 2017). Contohnya penglibatan seseorang dalam bidang pengubatan Islam menjadikannya sebagai ahli pengubatan Islam yang berbudi pekerti mulia sesama manusia seperti ikhlas, sabar, redha, tawakkal, tidak mencari kepentingan dunia atau pangkat jawatan, tidak berhasad dengki atau berburuk sangka dengan ahli pengubatan Islam yang lain dan seumpamanya.
- 4) Bersifat adil.
 - i) Bebas dari hubungan sosial dengan rakan-rakan yang fasiq atau orang jahat (Ayman Muhamad Ali, 2008). Contohnya berakhlak mulia, menjaga nilai etika pengubatan Islam dan hanya mengambil ilmu pengubatan Islam daripada syeikh atau guru yang soleh, sahih ilmunya serta bersanad seperti sanad ilmu al-Quran untuk amalan ayat-ayat Ruqyah dan sanad hadis untuk amalan doa-doa matshur daripada Rasulullah S.A.W yang terkandung dalam kitab-kitab hadis.
 - 5) Perlu ada ujian atau peperiksaan yang kerap dan berjadual dalam bidang kepakaran tersebut. Contohnya ahli pengubatan Islam perlu menjalani ujian tasmik hafalan ayat-ayat Ruqyah Syar'iyah secara fasih, bertajwid yang diterima atau diijazahkan daripada gurunya serta menjalani siri-siri latihan amali yang ditetapkan dengan cara merawat kes-kes gangguan jin termasuk gangguan sihir dengan bimbingan gurunya yang berpengalaman luas. Hal demikian akan membolehkan ahli pengubatan Islam ini akan mendapat pengalaman yang luas dan mengetahui selok belok ilmu pengubatan Islam dengan lebih mendalam bahkan dapat membezakan jenis-jenis gangguan pada pesakit sama ada gangguan sihir atau saka atau ilmu kebatinan atau sebagainya.
 - 6) Mempunyai pengetahuan asas mengenai hukum perundangan Syariah dalam bidang khusus prosedur, tatacara mahkamah dan penghujahan secara umum. Contohnya pakar pengubatan Islam perlu mengetahui asas perundangan Syariah bagi mengenalpasti elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir, kesalahan sihir sebagai kesalahan jenayah Syariah dan implikasi terhadap masyarakat sekiranya tidak dibanteras. Sebagai pakar pengubatan Islam, mereka boleh memainkan peranan penting kepada masyarakat dengan memberi pendedahan melalui seminar, wacana ilmiah, kuliah tentang bahaya sihir dari sudut akidah, syariat, akhlak serta boleh dijatuhi hukuman Islam seperti takzir jika didapati bersalah.
 - 7) Mematuhi syarat-syarat umum untuk memberikan keterangan dalam Islam.
 - i) Memenuhi syarat-syarat dalam seksyen 33 Enakmen Keterangan Syariah negeri. Contohnya pakar pengubatan Islam perlu memberi kerjasama sekiranya dipanggil oleh pihak mahkamah untuk memberi keterangan. Keterangan yang diberi mestilah benar, tanpa paksaan untuk membantu hakim dalam membuat keputusan dengan adil.

- ii) Pengamal pengubatan Islam mesti memberi keterangan tentang kelayakan yang dimilikinya terlebih dahulu sebelum Mahkamah membenarkannya memberi keterangan pendapat. Seseorang itu dikategorikan sebagai pakar apabila menepati ketujuh-tujuh syarat kelayakan yang dinyatakan sebelum ini. Lebih-lebih lagi, mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang pengubatan Islam dalam tempoh bertahun-tahun contohnya 10 tahun ke atas serta mampu memberi keterangan berkaitan tentang pelakuan jenayah yang melibatkan sihir sekiranya diminta oleh pihak mahkamah berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh mereka.

ANALISIS KAEDAH PEMBUKTIAN JENAYAH YANG MELIBATKAN SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH

Pembuktian kes sihir adalah suatu yang sukar kerana amalan sihir yang lebih bersifat metafizik. Hal ini kerana prinsip pembuktian di Mahkamah bergantung kepada bukti-bukti yang zahir dan fakta yang jelas. Secara umumnya, terdapat banyak jenis pembuktian yang boleh digunapakai seperti iqrar, syahadah, qarinah, pendapat pakar dan lain-lain. Kebanyakan pakar bersetuju dengan beberapa kaedah pembuktian berdasarkan fiqh jenayah yang berfungsi saling menguatkan dan menyokong antara satu sama lain bagi kes jenayah sihir. Elemen pembuktian terhadap jenayah sihir hendaklah dapat membuktikan niat seseorang itu dalam melakukan kesalahan dan yang keduanya adalah untuk buktikan perbuatan yang dilakukan contohnya, penyihir ini memegang patung dan menikam patung itu tapi dia tidak menikam mangsa dan pada masa yang sama mangsa berasa sakit, disebabkan perkara ini pembuktian itu menjadi sukar kecuali kalau pakar terlibat sama dalam menyelesaikan kes sihir ini. Hal ini boleh berlaku melalui keputusan Hakim mahkamah untuk memanggil pakar yang dikategorikan sebagai elemen keterangan pakar (Mahyuddin Ismail, komunikasi peribadi, 4 Mei 2018).

Dalam proses penyiasatan kes jenayah sihir, pendapat pakar rawatan Islam diperlukan untuk mengenal pasti mangsa disihir atau sebaliknya. Selepas pakar rawatan mengatakan mangsa di sihir maka perawat boleh meneruskan rawatan terhadap mangsa untuk memberi maklumat lanjut tentang sihir tersebut. Pada dasarnya, pendapat pakar juga diklasifikasikan sebagai pendapat saksi pakar dan diterimapakai dalam perbicaraan di mahkamah bagi kes jenayah termasuk jenayah sihir. Saksi pakar mestilah mempunyai kelayakan untuk diterima pendapatnya jika dia adalah seorang pakar dari sudut pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta pernah melakukan kajian berkaitan (Abdul Rahman Md. Yunos, komunikasi peribadi, 23 April 2018).

Apabila bahan dan kesan sihir pada mangsa sihir dapat dikenal pasti secara sah maka prosedur penyiasatan perlu dijalankan iaitu dengan menggabungkan kaedah Syariah, iaitu pendapat pakar pengubatan Islam dan kaedah sains, iaitu pendapat pakar forensik. Selain itu, penyiasatan kes sihir akan dianggap selesai atau berjaya apabila bahan atau alat sihir juga dapat dikenal pasti untuk dijadikan bahan bukti di mahkamah. Dalam pendakwaan kes sihir, pendapat pakar ini hanyalah sebagai penyokong kepada qarinah kerana qarinah itu adalah perkara yang nyata berlaku yang ada kaitan dengan mangsa (Mahyuddin Ismail, komunikasi peribadi, 4 Mei 2018, Abdul Rahman Md. Yunos, komunikasi peribadi, 23 April 2018). Qarinah dan pendapat pakar saling menguatkan kerana apabila ada qarinah, pendapat pakar juga perlu. Cuma pendapat pakar ini hanyalah sebagai penguat bukti di mana jika jenayah sihir ini menjadi berleluasa maka

perlu diwujudkan satu kumpulan pakar yang diiktiraf dalam sumpah ini. Hal demikian, pendapat pakar dijadikan sebagai penguat sebab pakar yang mempunyai pengalaman dalam rawatan penyakit-penyakit sumpah ini kerana pakar akan menemui pelbagai bentuk qarinah. Jadi disini keterangan pakar boleh dijadikan keterangan utama di mahkamah (Syed Lutfi Syed Omar, komunikasi peribadi, 7 Mei 2018). Walau bagaimanapun, semua keterangan pendapat pakar, qarinah dan syahadah ini berfungsi sebagai keterangan utama dan bukan sebagai keterangan sokongan. Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan dan temubual yang telah dijalankan, wujud keperluan untuk mengumpulkan pakar-pakar yang diiktiraf bagi memudahkan proses ini dijalankan jika ingin undang-undang jenayah sumpah ini direalisasikan.

KESIMPULAN

Terdapat peruntukan khusus dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 berkaitan pendapat pakar, namun beberapa pindaan harus dilakukan terhadapnya seperti dengan mewujudkan garis panduan khusus dalam pemakaian keterangan pakar penguatan Islam di mahkamah Syariah. Bahkan secara umumnya, dalil-dalil dan kes tertentu pada zaman dahulu lagi telah mengiktiraf keterangan pakar sebagai salah satu beban pembuktian di Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, pemakaiannya di Mahkamah Syariah pada hari ini dilihat masih belum diaplikasikan walaupun kes jenayah sumpah yang berlaku semakin kompleks dan memerlukan kepada keterangan pakar penguatan Islam. Hal demikian disebabkan keperluan keterangan pakar dalam bidang-bidang tertentu berbanding dengan hanya pengetahuan hakim sahaja. Bagi kes jenayah yang melibatkan sumpah, hakim boleh meminta pihak yang mendakwa supaya mengemukakan keterangan pakar penguatan Islam yang boleh menguatkan bukti serta menyokong kes mereka di mahkamah. Oleh itu, dalam keadaan ini keterangan pakar penguatan Islam akan memainkan peranan yang sangat penting untuk membantu hakim memutuskan kes jenayah sumpah ini secara adil.

RUJUKAN

- Azzām, Ṭ. Ṣ. Y. (2009). *Athar Aṭ-Ṭibb al-Sharī fī Ithbāt al-Ḥuqūq wa al-Jarāim* (Ed. 1.). Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ahmad Syukran, B. (2017). *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. (Thesis Doktor Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- al-Jaza', Muhammad Salih. 2006. *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah fī al-Ruqyah al-Syar'iyyah*. t.tp: Dar al-Andalus li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Zuhaylī, M. M. (1982). *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah fī al-Mu'āmalāt al-Madaniyah wa al-Ahwāl al-Shakhsiyyah*. Dimashq: Maktabah Dar Al-Bayan.
- Al-Zuhayli, (2011). *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī* (Ed. 3.). Damascus: Dar al-Qalam.
- Ayman Muhamad Ali. (2008). *Shahādah Ahlu al-Khibrah wa Ahkāmuhā: Dirāsāt Fiqhiyyah muqāranah*. Amman: Dār al-Ḥāmid li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abdul Aziz Hussin. (2003). *Hubungan Saksi Dengan Keterangan Mahkamah*. Majalah MATRA Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Polis Malaysia, Januari-Mac (14): hlm. 9-14.

- Abdul Karim Zaidan. (1993). *Prinsip-Prinsip Pendakwaan dan Pembuktian Dalam Sistem Kehakiman Islam*. Shah Alam: HIZBI.
- Abdul Monir Yaacob. (2015). *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Cyberjaya: Penerbit Universiti Islam Malaysia
- Ahmah Fathi Bahansi. (1962). *Nazariah al-Ithbat*. Mesir.
- Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, September 2011 (<http://tcm.moh.gov.my>).
- Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al- (1968), Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, jld.1, hlm. 73.
- Ibnu Qayyim. (1977). *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Matbaah al-Madani: Mesir. hlm 188.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1990). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1996). *An Introduction to Islamic Law of Evidence*. Shah Alam: HIZBI.
- Md. Som Sujimon. (2009). *Kes-Kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas Dan Kekeluargaan Di Zaman Al-Khulafa Al-Rashidin*. Selangor: IIUM Press.
- Mohamad Ridzuan Zainudin. (2012). *Pembuktian DNA di Mahkamah Syariah*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor.
- Mohd Noor Daud. (2015). *Qarinah Sebagai Instrumen Pensabitan Kesalahan Hudud*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Sabree Nasri. (2015). *Jenayah sahir di Malaysia: permasalahan dan cadangan pelaksanaan undang-undang*. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19, 51-58.
- Muhammad Idris Al-Marbawi. (2010). *Bulugh al-Maram (Terjemahan) hadith no. 3, bab li'an*. Kaherah: Dar al-kunz wa al-Ma'rifa. hlm. 524.
- Paizah Ismail. (2008). *Kaedah Pembuktian dalam Kes Hudud*. *Jurnal Fiqh No. 5*. hlm. 23-46. *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli Bin Abdul Japar ([1428H] JH XXIII/II)*.
- Ruzman Md. Noor & Mohd Istajib Mokhtar. (2011). *Ulasan Kes dari Aspek Pembuktian: Rosmah binti Suly & Seorang yang lain lwn Ismail bin Mohamad & Seorang yang lain [JH32/2, JUN 2011, 223]*. *Jurnal Undang-Undang Malaysia (KANUN)*. 26 (1) hlm. 130-146.
- Siti Zalikha Md. Nor. (2006). *Al-Syariah Jilid 3: Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani & Madihah Mohammad Khir. (2015). *Document Forensic, the fiqh and the Syariah Courts*. *Malaysian Journal of Society and Space*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulfakar Ramlee Saad. (2015). *Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian*. *Jurnal Undang-Undang Malaysia (KANUN)*. 27 (1) hlm. 122-142.

Informan Temubual

Abdul Rahman Md. Yunos (Ketua Hakim Syarie), Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, dalam temubual dengan pengkaji, 23 April 2018.

Syed Hazrullatfi Syed Omar, Pensyarah Kanan Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kuala Terengganu, dalam temubual dengan pengkaji, 7 Mei 2018.
Mahyuddin Ismail (Pengarah Pusat Islam Universiti Malaysia Pahang (UMP)/Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden), dalam temubual dengan pengkaji, 4 Mei 2018.
Muhamad Khasmizan Abdullah, Timbalan Pengarah (Khidmat Pengurusan) Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, dalam temubual dengan pengkaji, dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2020.